

# Banjir antara punca bekalan makanan terjejas

**PETALING JAYA:** Bencana alam termasuk banjir yang melanda negara dikhawatiri akan memburukkan lagi isu kekurangan bekalan makanan negara kerana fenomena alam itu menyebabkan sektor pertanian terjejas.

Bercakap kepada *Utsan Malaysia*, Felo Laboratori Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Fatimah Arshad berkata, hujan lebat lazimnya akan memberi kesan kepada penanaman sayur dan padi.

“Bencana alam akan menjelaskan pengeluaran makanan terutamanya sektor pertanian seperti sayur dan jika (bencana) ini merebak ke Kedah dan Perlis, ia akan menjelaskan padi.

“Itu sebab dunia kata kalau mahu pastikan sekuriti makanan tidak terjejas, maka kita perlu import. Jangan kenakan halangan kepada perdagangan, jadi negara boleh import dan akan atasi masalah (bekalan),” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurut Fatimah, bencana alam tidak dapat dielakkan dan masalahnya tidak dapat diatasi dalam satu hari sebaliknya memerlukan perancangan jangka panjang dan bantuan sains dan teknologi.

Beliau berkata, kebergantungan terhadap import hanyalah satu penyelesaian jangka masa pendek kerana ia merupakan sumber penting dalam menyalaraskan penawaran apabila masalah bekalan berlaku.

“Kerajaan perlu perbanyak pelaburan ke atas pertanian bagi memastikan bekalan makanan sentiasa ada walaupun berlaku bencana alam,” katanya.